



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**01 Mei 2023
10 Syawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• 'PSI mampu ubag masa depan lebih terjamin'
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Bekalan ikan kering kurang selepas hari raya
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/ SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	7	15/2023

Projek Pulau Pinang Selatan

'PSI mampu ubah masa depan lebih terjamin'

Nelayan Teluk Kumbar yakin projek beri manfaat, nafi jadi tali barut

9.4.1.000 ms.7

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas: Disebalk bantahan demi bantahan terhadap Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) terdapat sekelompok nelayan yang optimis bahawa projek itu dapat mengubah kehidupan mereka ke arah masa depan yang lebih baik.

Nelayan dari Teluk Kumbar, Idris Ismail, 68, yakin PSI dapat memberi manfaat terutama kepada komuniti nelayan setempat dan beliau adalah antara individu terawal menyatakan sokongan terhadap projek berkenaan.

Bapa kepada tujuh anak itu

bersyukur apabila dia bersama 19 nelayan lain menerima sebuah bot baru secara percuma dari Oktober hingga Disember tahun lalu seperti dijanjikan pihak kerajaan negeri meskipun projek itu belum dimulakan.

"Bot itu harganya sekitar RM80,000 lengkap dengan peralatan sonar dan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) memang jauh beza dengan bot yang saya gunakan selama 16 tahun lalu.

"Bot baharu ini lebih laju dan boleh bergerak lebih jauh sejauh atau dua jam perjalanan pun atau masalah dan dapat tangkap lebih banyak hasil tangkapan dan ada masanya dapat turun ke laut dua kali sehari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Idris berkata, dia dimaklumkan akan menerima bantuan kewangan sebanyak RM20,000 selepas laporan penilaian impak alam sekitar (EIA) dan pelan pengurusan alam sekitar (EMP) projek itu diluluskan dan menyifatkan segala peluang yang diberi tidak harus dilepaskan.

"Saya ada terima bayaran awal

RM500 jadi apabila kami dapat tahu tahu EIA lulus kami gembira dan ada harapan untuk dapat baki (wang) itu. Fajar cakap, saya tidak sangka kerana sudah tunggu beberapa tahun dan kami juga ada masuk koperasi bawah PSI.

"Memang ada yang mengata kami macam-macam sampai bermasam muka dan tidak bertegur sapa kerana sokong PSI, tetapi masing-masing ada prinsip," katanya.

Seorang nelayan wanita dari Balik Pulau Fajinah Jaafar, 62, dia bukannya menyokong PSI secara membata tul di sini, tetapi dia mempertimbangkan segala aspek dengan niat untuk mengubah nasil diri dan keluarganya.

"Ada yang kata kami tali barut, pengkhianat tulis perkara yang menyakitkan hati di Facebook bagi saya kepada yang nak bantah terpulanglah.. malah Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sendiri kata kerajaan

sedia mendengar.

"Saya sendiri antara yang turut membantah pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, tetapi projek itu jalan juga mula-mula memang hasil laut kurang lepas tiga tahun ia

siap ikan kembali banyak dan Kawasan bawah jambatan menjadi rebutan kerana di situ lubuk ikan seperti siakap dan jenahak," kata-nya.

Terima bot baru, kursus percuma

Justeru, ibu tunggal itu yakin projek PSI akan membawa limpahan rezeki kepada

komuniti nelayan dan keluarga mereka dan dia sebelum ini hanya menggunakan bot terpakai bersyukur menerima bot baharu selepas berpeluang mengikuti kursus jurumudi secara percuma tahun lalu.

"Kos lesen ini bukan murah mencecah RM2,000 kalau mahu ambil sendiri dan pada usia se-

begini saya rasa tidak terlambat jika saya ingin mencuba bidang baharu sebagai jurumudi, selain menjadi nelayan untuk menambah pendapatan," katanya.

"Baru-baru ini kami juga terima bantuan pukat bernilai RM1,000 jika dicampur semua jumlah bantuan yang sudah dan bakal kami terima mencecah RM100,000," katanya yang sudah menjadi nelayan lebih 30 tahun.

Isu PSI kembali hangat diperkatakan apabila Ketua Menteri, Chow Kon Yeow pada Rabu mengumumkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) meluluskan laporan (EIA) bagi projek berkenaan dengan menetapkan 71 syarat yang perlu dipenuhi menerusi surat bertarikh 11 April lalu.

Projek membabitkan tambakan laut besar-besaran dan pembinaan tiga pulau buatan itu mendapat bantahan beberapa pihak termasuk Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PEN Mutiria) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana didakwa mengancam ekosistem marin.



Idris menunjukkan bot yang diberikan secara percuma oleh kerajaan negeri di Teluk Kumbar, semalam.



Fajinah Jaafar

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	28	1/5/2023

Bekalan ikan kering kurang selepas hari raya

ini s8 ms28
PASIR PUTEH - Seorang pengusaha ikan kering di Kampung Air Terjun Pasir Puteh di sini mengakui bekalan ikan berkurangan ketika ini berkemungkinan disebabkan oleh cuaca musim panas.

Jamilah Saud, 59, berkata, selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri, tidak sampai 10 jenis ikan yang dijual berbanding sebelum ini iaitu kira-kira 20 jenis ikan.

Menurut Jamilah, ada nelayan pantai yang menghantar ikan mereka ke rumahnya untuk dijual dan diproses kering.

"Sebelum musim panas terik, sebanyak 300 kilogram bekalan ikan diambil setiap tiga hingga empat hari di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Selain cuaca panas, mungkin ramai nelayan yang masih bercuti kerana sambutan hari raya," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini pada Ahad.

Jamilah yang mengusahakan ikan kering bersama dua lagi adiknya, Jamil Saud, 54, dan Syarifah Saud, 50, berkata, ikan kering yang dijual mereka laris sepanjang bulan Ramadan.

Menurut Jamilah, antara ikan diproses untuk dijadikan ikan kering ialah selar, gelama, kerisi dan tamban dan harga ikan bermula RM20 sekilogram bergantung kepada jenisnya.

Bagaimanapun katanya, harga ikan gelama lebih mahal dan boleh mencapai sehingga RM80 sekilogram bergantung kepada saiznya.

Ibu kepada dua anak berusia 22 dan 23 tahun itu memberitahu, panas berpanjangan menyebabkan ikan yang dijemur tidak mengambil masa lama untuk kering.

"Bagaimanapun, kami perlu berwaspada dengan cuaca panas yang mungkin boleh mengakibatkan demam dan batuk," katanya.

